

Headline	100 sukarelawan sertai program Jejak Ramadan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 May 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	47
ArticleSize	328 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,448		



## 100 sukarelawan sertai program Jejak Ramadan

**KUALA LUMPUR 13 Mei** - Sebanyak 500 bekas bubur lambuk yang disediakan oleh 100 sukarelawan terdiri daripada pelajar sekolah, kolej dan universiti melalui program Jejak Ramadan diadilah di sekitar Masjid Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Timbalan Pengurus Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM), Mohd. Hanif Nasaruddin berkata, agihan juadah berbuka puasa itu bersempena pengajuran program Jejak Ramadan yang julung kali diadakan di masjid berkenaan.

"Alhamdulillah, dengan bantuan sukarelawan yang melibatkan diri dalam program ini dapatlah kami menjayakan beberapa aktiviti amal termasuk gotong-royong bubur lambuk untuk diedarkan kepada masyarakat.

"Saya berharap aktiviti ini dapat memberi manfaat kepada sukarelawan khususnya dalam membentuk mereka menjadi ejen yang mengubah diri dan orang lain untuk berusaha mencapai kejayaan hidup, baik di dunia dan juga di akhirat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Mohd. Hanif, berkata, sempena pelancaran Jejak Ramadan, pihaknya akan memulakan tiga jelajah iaitu ke Palu di Indonesia; Grik, Perak dan Semporna, Sabah untuk me-



SEBAHAGIAN daripada sukarelawan mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai di persimpangan lampu isyarat Jalan Sultan Abdul Halim, Kuala Lumpur sempena Program Jejak Ramadan, baru-baru ini - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

nyampaikan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

Perasmian program Jejak Ramadan berkenaan dirasmikan oleh Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ahli Jawatankuasa dan Sukarelawan Youth of Strength and Happiness (YOSH) serta pelajar dari institusi pengajian tinggi awam antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

maat lalu.

Program berkenaan mendapat kerjasama Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ahli Jawatankuasa dan Sukarelawan Youth of Strength and Happiness (YOSH) serta pelajar dari institusi pengajian tinggi awam antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Turut terlibat, pelajar dari Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Pusat Asasi UiTM Dengkil, Selangor, Kolej Vokasional Slim River, Perak dan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) serta murid sekolah kebangsaan sekitar Putrajaya.